

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejarah konvensyen Parlimen Westminster dan nyatakan apakah syarat-syarat yang membolehkan usul tidak percaya kepada YAB Perdana Menteri oleh YB Langkawi dibahaskan di dalam Dewan Rakyat. Nyatakan kemungkinan bila usul tersebut akan dibahaskan.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usul ahli persendirian daripada Yang Berhormat Langkawi telah dimasukkan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas. Usul tersebut adalah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 14 dan 15(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.